

NO. SOALAN : 279

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN LOKE SIEW FOOK  
[ SEREMBAN ]**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Loke Siew Fook [ Seremban ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan status terkini projek "*cable car*" yang menghubungkan Teluk Bahang dan Penang Hill dan sama ada pihak Kementerian akan terus menyokong projek tersebut daripada segi peruntukan kewangan.

**JAWAPAN :     DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (KPK) telah menerima cadangan daripada Perbadanan Bukit Bendera bagi projek kereta kabel yang menghubungkan Teluk Bahang dan Penang Hill dengan jumlah RM270 juta semasa permohonan projek baharu *Rolling Plan* Pertama, Rancangan Malaysia Ke-Sebelas, (RP1, RMKe-11). Walau bagaimanapun cadangan projek tersebut tidak dapat dipertimbangkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) kerana kos projek adalah terlalu tinggi.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia akan menyokong cadangan projek ini secara berfasa untuk dipertimbangkan oleh Unit Perancang Ekonomi sekiranya Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat memberikan justifikasi yang kukuh dan merasakan projek ini menjadi keutamaan projek di Negeri Pulau Pinang serta akan dapat memberi impak yang tinggi kepada industri pelancongan negeri khususnya dan negara amnya.

Sekian, terima kasih.